

PENERAPAN SENI BINA ISTANA LAMA SERI MENANTI DALAM
REKA BENTUK BANGUNAN PEJABAT DAERAH SEREMBAN

OTHMAN BIN MOHD NOR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENERAPAN SENI BINA ISTANA LAMA SERI MENANTI DALAM
REKA BENTUK BANGUNAN PEJABAT DAERAH SEREMBAN

OTHMAN BIN MOHD NOR

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Senibina)

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

FEBRUARI 2018

Dedikasi ini buat Mak, Almarhum Abah, Zaujahku, Putera dan Puteriku

PENGHARGAAN

Saya mulakan dengan sujud syukur ke hadrat Illahi dengan berkat dan rahmat memberikan saya kekuatan menyempurnakan tanggungjawab tesis ini. Pertamanya saya mengambil kesempatan di ruangan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia Y.M Prof Madya Dr. Raja Nafida Raja Shahminan kerana berkongsi ilmu, membuka minda pemikiran serta menanam semangat dan wawasan dalam kehidupan. Saya juga terhutang budi kepada individu yang memberi pandangan, terutamanya Prof Madya Dr. Gurupiah Mursib, Prof Madya Dr. Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin, Prof Madya Dr. Fawazul Khair Ibrahim, Dr. Khairul Anwar Mohamed Khaidzir, Dr. Malsiah, Prof Madya Ar. Dr. Mastor Surat, Dr. Kamarul Afizi Kosnan, Prof Madya Dr. Nik Lokman Nik Ibrahim dan professional lain seperti Arwah Ar. Shamsul Baharin dari Perunding Alam Bina (PAB), Ar. Ahmad Nazri Haji Mansor dari Nazri Akitek dan Dato Ar. Hajeedar Abd Majid.

Terima kasih juga kepada individu dan pemilik bangunan yang membenarkan saya melawat premis masing-masing. Saya juga merakamkan penghargaan kepada Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, (KALAM, UTM), Fakulti Alam Bina (UTM), Perpustakaan UTM dan pihak pentadbiran Jabatan Kerja Raya (JKR) yang berkongsi ilmu. Terima kasih kepada kerajaan Malaysia, khususnya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Universiti Teknologi MARA yang telah mengurniakan biasiswa Skim Latihan Bumiputera untuk membiayai kajian ini.

Akhir sekali terima kasih kepada bonda Hjh Noriah Ibrahim, arwah mertua Hj Mohd Isa Tajol Aros dan Hjh Jamilah Sanam yang tidak pernah jemu mendoakan kejayaan dan kebahagiaan anakandanya ini. Kepada isteri tercinta Dr. Haryati Mohd Isa dan anakanda Hani Maisarah, Hanif Maulana, Hafiz Mulhim dan Hani Farah Medina yang merupakan sumber inspirasi, motivasi dan kekuatan untuk menyiapkan tesis ini. Wassalam

ABSTRAK

Penerapan unsur seni bina tradisi kepada bangunan moden membolehkan seni bina lampau diwarisi untuk tatapan generasi akan datang. Kajian ini melihat hasil arkitek mereka bentuk bangunan yang menerapkan ciri-ciri tradisional. Penerapan ini bersifat seni bina regionalisme yang mementingkan unsur-unsur setempat, persekitaran dan keadaan cuaca. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes ke atas Pejabat Daerah Seremban yang mengambil Istana Lama Seri Menanti yang digunakannya sebagai rujukan. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian melalui tinjauan rintis ke atas reka bentuk pejabat-pejabat daerah yang lain di Negeri Sembilan bagi meninjau penerapan seni bina tradisional yang telah dilakukan. Bagi menilai usaha menerapkan reka bentuk tradisional ke atas bangunan moden, kajian ini meneliti pelan bangunan, pelan tapak, pandangan hadapan (fasad) dan susun atur reka bentuk dalaman bangunan. Kaedah menemu bual arkitek juga dilakukan bagi mendapatkan idea arkitek tentang proses mereka bentuk bangunan Pejabat Daerah Seremban untuk mengenal pasti unsur yang paling diberi penekanan. Hasil kajian tentang penerapan unsur-unsur tradisi ke atas bangunan Pejabat Daerah Seremban mendapati reka bentuk pelan tapak, bahagian hadapan yang terdapat kawasan lapang, bentuk simetri pada binaan pelan Pejabat Daerah Seremban mempunyai persamaan bentuk dengan Istana Lama Seri Menanti, kecuali berbeza dari segi unsur penggunaan bahan dan saiz. Terdapat hirarki ruang pada Pejabat Daerah Seremban pada reka bentuk hadapan bangunan. Unsur yang diterapkan adalah bentuk bangunan, pengulangan tiang dan tingkap. Bumbung bangunan juga mempunyai persamaan, tetapi pembinaannya menggunakan gabungan bahan-bahan baharu. Pada reka bentuk dalamannya pula arkitek telah menerapkan unsur mengejutkan pada bahagian ruangan tengah bangunan dengan membina siling yang tinggi untuk memberi kesan ketinggian yang menyamai ketinggian Istana Lama Seri Menanti. Kajian ini telah menggunakan dapatan kajian ini untuk menyediakan satu garis panduan umum untuk dijadikan rujukan pihak berwajib apabila membina bangunan moden yang ingin menerapkan unsur-unsur bangunan tradisional.

ABSTRACT

The infusion of traditional architectural elements into modern buildings allows us to inherit past architecture for the reference of future generations. This study focuses on buildings designed by architects that applies traditional features. This encompasses regional architecture emphasizing on local elements, environment and weather conditions. Additionally, this study employs a case study method centred upon the Seremban District Office, considering its similarity to that of Seri Menanti Old Palace. An observation method through exploratory study is also adopted to study the design of district offices in other areas of Negeri Sembilan to explore the applications of traditional architecture into its building design. In assessing the application of traditional design on modern buildings, this study examines its building plan, site plan, front view (facade) and its internal layout of the building design. Respective building's architects were interviewed to obtain an ideas during the design process of the district office buildings in Seremban, particularly to identify the elements that was most emphasized. Results of the study showed that the site plan design and the front side has an open space area and the symmetrical building plan of the Seri Menanti Ancient Palace are present in the building plan of the Seremban District Office, but differ in terms of material usage and size. A space hierarchy is also evident in its building front design. The elements applied to the building were shape, repetition of columns and windows. There are also similarities in the roof, but the construction has used a combination of new materials. In its interior design, the architect has applied an element of surprise in its central building space by constructing a high ceiling to give the effect of height and proportions echoed by the Seri Menanti Ancient Palace. Results of this study is adopted to prepare a general guideline that may act as a reference to the relevant authorities prior to designing modern buildings applying elements of traditional architecture.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	PERAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI GAMBARAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xix
	SENARAI LAMPIRAN	xxi
1	Pengenalan	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian dan Permasalahan Kajian	2
	1.2.1 Permasalahan Kajian	5
	1.3 Matlamat dan Objektif Kajian	5
	1.4 Skop Kajian	6
	1.5 Kepentingan Kajian	6
	1.6 Struktur Tesis	7
2	Kajian Literatur	11
	2.1 Pendahuluan	11
	2.2 Definisi Regionalisme Seni Bina	12
	2.2.1 Definisi Regionalisme Seni Bina	12
	2.2.2 Definisi Penerapan Seni Bina	14
	2.3 Lompang Kajian	12
	2.3.1 Kajian Sejarah	15
	2.3.2 Kajian Keagamaan	15
	2.3.3 Kajian Budaya dan Adat	16
	2.3.4 Kajian Seni Bina	18
	2.4 Kajian Mengenai Penerapan Seni Bina Tradisi Yang Dijalankan Di Malaysia	19
	Kajian Penerapan Seni Bina Tradisi di Luar 2.4.1 Negara	20
	2.4.2 Rumusan	21
	2.5 Pendekatan Regionalisme Seni Bina	22

2.5.1	Pendekatan Seni Bina Regionalisme Era Moden	26
2.5.1.1	Tradisi Le Corbusier	27
2.5.1.2	Tradisi Mies van der Rohe	28
2.5.1.3	Tradisi Frank Lloyd Wright	29
2.5.1.4	Tradisi Hibrid	31
2.5.1.5	Tradisi Ekspresionisme Setempat	33
2.5.2	Pendekatan Seni Bina Regionalisme Era Pasca-Moden	35
2.5.2.1	Kebangkitan Semula Seni Bina Melayu	36
2.5.2.2	Kebangkitan Semula Seni Bina Elektrik	37
2.5.2.3	Kebangkitan Semula Seni Bina Islam dan Melayu	38
2.6	Perkembangan Seni Bina di Negeri Sembilan	41
2.7	Rumusan	48
3	METODOLOGI KAJIAN	49
3.1	Pengenalan	49
3.2	Reka Bentuk Kajian	50
3.3	Kaedah Penyelidikan	51
3.4	Proses Kajian	53
3.4.1	Menentukan Tajuk Kajian	53
3.4.2	Menyediakan Cadangan Kajian	55
3.4.3	Kajian Literatur	55
3.4.4	Kajian Rintis	56
3.4.5	Kajian Kes	56
3.4.6	Mengemukakan Penemuan dan Kesimpulan	57
3.4.7	Menulis Laporan	58
3.5	Kaedah Pengumpulan Maklumat dan Mendapatkan Atribut	58
3.5.1	Temu Bual	58
3.6	Analisis Maklumat	60
3.7	Rumusan	60
4	PENDEKATAN REKA BENTUK SENI BINA KE ARAH SENI BINA REGIONALISME	62
4.1	Pendahuluan	62
4.2	Pembentukan Atribut Regionalisme	62
4.3	Penerapan Unsur Regionalisme Ke Atas Seni Bina	66
4.4	Tinjauan Rintis Ke Atas Seni Bina Pejabat Daerah Di Negeri Sembilan	74
4.4.1	Rumusan Tinjauan Rintis Ke Atas Seni Bina Pejabat Daerah Di Negeri Sembilan	77
4.5	Rumusan	84

5	KAJIAN KES : KAEDAH PENERAPAN SENI BINA	88
5.1	Pendahuluan	88
5.2	Pejabat Daerah	89
5.2.1	Pejabat Daerah Seremban	90
5.2.2	Pelan Tapak Pejabat Daerah Seremban	91
5.2.3	Seni Bina Pejabat Daerah Seremban	92
5.2.4	Bahan Binaan	96
5.2.5	Pandangan Hadapan	96
5.2.6	Pandangan Sisi	98
5.3	Arkitek Yang Mereka Bentuk Bangunan Pejabat Daerah Seremban, Arkitek Ahmad Nazri Haji Mansur	99
5.3.1	Keterangan Projek (Brif Projek)	99
5.3.2	Kronologi Pembinaan dan Brif Projek Pejabat Daerah Seremban	107
5.4	Istana Lama Seri Menanti Sebagai Rujukan Dalam Reka Bentuk Pejabat Daerah Seremban	107
5.4.1	Sejarah Istana Lama Seri Menanti	107
5.4.2	Pelan Tapak Istana Lama Seri Menanti	109
5.4.3	Seni Bina Istana Lama Seri Menanti	110
5.4.4	Pelan Lantai	110
5.4.5	Pandangan Hadapan	116
5.5	Penerapan Seni Bina Istana Lama Seri Menanti Terhadap Reka Bentuk Pejabat Daerah Seremban	117
5.6	Hasil Temu Bual Bersama Arkitek Ahmad Nazri bin Mansur	118
5.6.1	Pelan dan Pengaruh Tapak	118
5.6.2	Fasad Bangunan: Pandangan Hadapan dan Reka Bentuk Fasad	119
5.6.3	Hirarki Ruang Serta Reka Bentuk Dalaman Perhubungan Artibut Penerapan Berdasarkan	120
5.7	Temubual Bersama Arkitek terhadap Seni Bina Regionalisme	122
5.8	Analisis Perbandingan Rekabentuk Istana Lama Seri Menanti dan Pejabat Daerah Seremban	123
5.8.1	Tipologi Pelan Tapak	124
5.8.2	Pelan Susun Atur	126
5.8.3	Bentuk Fasad	132
5.8.4	Bentuk Bumbung	137
5.8.5	Reka Bentuk Dalaman	140
5.9	Perhubungan Unsur Penerapan Berdasarkan Kajian Kes Pejabat Daerah Seremban Terhadap Aspek Seni Bina Regionalisme	143
5.10	Rumusan	146
6	ANALISIS DAN DAPATAN	151
6.1	Pendahuluan	151
6.2	Analisis dan Penemuan Kajian	151
6.2.1	Analisis Penemuan Perhubungan Antara	151

	Penerapan Unsur Seni Bina Tradisional, Tinjauan Rintis ke Atas Lima Buah Bangunan Pejabat Daerah di Negeri Sembilan, Temu Bual Dengan Arkitek dan Kajian Kes	
	6.2.1.1 Pelan Tapak	152
	6.2.1.2 Pelan Lantai dan Fungsi Ruang	154
	6.2.1.3 Pandangan Hadapan dan Reka Bentuk Fasad	156
	6.2.1.4 Pandangan Sisi	162
	6.2.1.5 Bentuk Bumbung	163
	6.2.1.6 Reka Bentuk Dalaman	164
	Cadangan Garis Panduan Umum	
6.3	Penerapan Atribut Regionalisme Pada Bangunan Moden dan Kepentingannya	165
	Komponen Yang Terdapat Dalam Garis	
6.3.1	Panduan Umum Penerapan Unsur Seni Bina Tradisional Pada Bangunan Moden	168
6.4	Rumusan	177
7	KESIMPULAN	182
7.1	Pendahuluan	182
7.2	Analisis dan Dapatan	182
	Analisis Hubungan Antara Penerapan, Pendekatan Reka Bentuk Oleh Arkitek	
7.2.1	Tempatan Dan Luar Negara Dalam Menghasilkan Seni Bina Regionalisme	183
	Kaedah Penerapan Elemen Tradisional Kepada Pada Bangunan Moden Di Dalam Kajian Kes	
7.2.2	Komponen Yang Terdapat Di Dalam Kerangka	185
	Garis Panduan Penerapan Atribut Regionalisme Pada Bangunan Moden	
7.2.3		187
7.3	Ulasan Keseluruhan Tentang Kajian	189
7.4	Sumbangan Kajian	190
	Kepentingan Kepada Bidang Akademik (Seni Bina dan Sejarah)	
7.4.1		190
	Kepentingan Kepada Arkitek dan Pelanggan	
7.4.2		191
	Kepentingan Kepada Industri Pelancongan	
7.4.3		192
	Kepentingan Kepada Masyarakat Umum	
7.4.4		192
7.5	Cadangan Kajian Lanjutan	193
	RUJUKAN	191
	LAMPIRAN A- J	207

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Perkembangan era seni bina di Negeri Sembilan	46
4.1	Kupasan arkitek tentang penerapan unsur regionalisme pada bangunan moden dan ciri-ciri pengelasan mengikut jenis bangunan	67
4.2	Hasil kupasan para arkitek tentang penerapan elemen regionalisme pada bangunan moden	71
4.3	Penerapan unsur seni bina regionalisme pada bangunan moden dan ciri-ciri pengelasan mengikut pejabat daerah di Negeri Sembilan	78
5.1	Unsur penerapan berdasarkan temu bual bersama arkitek terhadap aspek seni bina regionalisme	122
5.2	Perbandingan penerapan pelan susun atur antara Istana Lama Seri Menanti dengan Pejabat Daerah Seremban	128
5.3	Perbandingan penerapan bentuk fasad antara Istana Lama Seri Menanti dengan Pejabat Daerah Seremban	134
5.8	Perbandingan penerapan bentuk bumbung antara Istana Lama Seri Menanti dengan Pejabat Daerah Seremban	138
5.9	Unsur penerapan di bangunan Pejabat Daerah Seremban dari segi aspek seni bina regionalisme	144
6.1	Analisis penemuan perhubungan di antara aspek penerapan seni bina tradisional, tinjauan rintis ke atas lima buah bangunan pejabat daerah di Negeri Sembilan, temu bual bersama arkitek dan kajian kes	158
6.2	Komponen garis panduan umum penerapan unsur seni bina tradisional bangunan moden	171

SENARAI GAMBARAJAH

NO. GAMBARAJAH	TAJUK	MUKASURAT
1.1	Reka bentuk enam bangunan Pejabat Daerah di Negeri Sembilan	4
1.2	Metodologi kajian	8
1.3	Organisasi bab	9
2.1	Regionalisme tropika oleh Paul Rudolph di Florida gambar kiri dan gambar kanan Dance Hall rekaan Oscar Niemeyer. Sumber: Critical Regionalisme: Architecture and Identity in a Globalized World oleh Rudolph (1942)	23
2.2	Reka bentuk Baldakrishna Doshi, satu kejayaan regionalisme yang menerapkan nilai tradisi dengan nilai moden gabungan bumbung kuil tradisional dengan kekubah konkrit.	23
2.3	Pelan bangunan pejabat daerah dan kedudukan bangunan terletak di tengah kawasan perkampungan di daerah Waki, Jepun.	24
2.4	Reka bentuk yang mementingkan kesederhanaan dan kebersihan ciptaan KenzoTange dan rakan-rakan di daerah Kagawa, Takamatsu, Jepun.	25
2.5	Lapangan terbang terminal haji di Jeddah. Suasana masyarakat Badwi yang nomad diwujudkan kembali menggunakan teknologi kabel keluli dan kanvas teflon.	26
2.6:	Fasad Hospital Besar Kuala Lumpur, Kuala Lumpur	28
2.7	Rumah Hexagon yang dibina pada 1971	29

	oleh arkitek Lai Lok Kun.	
2.8	Masjid Negara, Kuala Lumpur, 1995.	30
2.9	Prototaip klinik desa semasa awal merdeka	31
2.10	Bangunan British Council, Kuala Lumpur yang dibina oleh Public Work Department (PWD) pada tahun 1956.	32
2.11	Masjid Negeri, Negeri Sembilan yang dibina oleh MAC Jurubena Bertiga dengan reka bentuk kekubah cengkerang.	34
2.12	Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur (1963, PWD: Shipley)	34
2.13	Kebangkitan seni bina Melayu. Sumber asas aslinya.	37
2.14	Kebangkitan Seni Bina Eklektik	38
2.15	Kebangkitan Seni Bina Islam dan Melayu a. Masjid Sultan Sallahuddin Shah Alam b. Masjid Terapung Kuala. Terengganu c. Komplek Daya Bumi, K.Lumpur d. Komplek Pusat Islam Kuala Lumpur	39
2.16	Faktor mempengaruhi seni bina Negeri Sembilan era tradisional	41
2.17	Istana Ampang Tinggi (1861).	42
2.18	Masjid Kuala Serdang, Kuala Pilah (1908)	42
2.19	Faktor mempengaruhi seni bina Negeri Sembilan era kolonial	44
2.20	Faktor mempengaruhi seni bina Negeri Sembilan era moden	43
2.21	Masjid Negeri Seremban.	45
3.1	Keseluruhan metodologi kajian	52

3.2	Proses kajian	54
4.1	Seni bina berasaskan tempat a. Kediaman Frank Lloyd Wright, Falling Water b. Ulusaba Private Game Reserve, Afrika Selatan c. The Kayon Resort Banjar Kepitu, Desa Kendran, Ubud	63
4.2	Seni bina berasaskan seni bina setempat a. Hotel Il Palazzo, Fukuoka (1989:Aldo Rossi) di Itali menerapkan tipologi bentuk senibina klasikal dari sejarah empayar Romawi (Sumber: Architecture Today). b. c. Museo Nacional de Arte Romano, Merida, Sepanyol (1980-86: Rafael Moneo) menghasilkan memori dan semangat romanidad menerusi penerapan arketaip gerbang dan nave yang dibina dari bata tradisional Seville, dalam masa yang sama melaungkan mesej konservasi masa. (Sumber: Architecture in Europe: Memory and Invention since 1968) d. Kediaman Galvez (Baragan) menerapkan tipologi courtyard dan patio tradisional dalam satah menggunakan warna budaya Mexico.	65
4.3	a. b. Perumahan Byker Wall di New Castle (1969-1975 Ralph Erskin) telah mengembalikan nilai budaya kemanusiaan dalam rekaan secara demokratik dengan mengambilkira keperluan dan harapan pengguna. Perumahan beranalogikan dinding, yang dinding luarnya direka sebagai tembok pelindung yang meneduh dari angin sejuk dan persekitaran yang tidak diingini. Manakala dinding menghala ke dalam pula dilengkapi dengan bumbung teduhan dan aneka jaluran balkoni simbol hunian dan lambang. Pendekatan ini merupakan salah satu gerakan 'anti heroic' yang memperjuangkan nilai sosial dalam seni	

	bina. c.d.Pangsapuri Kanchajunga, Bombay (1973) dan perumahan Belapur, New Bombay (1983-1986) rekaan Charles Correa mempamerkan terjemahan semula budaya hunian masyarakat India dalam kediaman menara bertingkat dan kediaman menara murah	66
4.4	Pejabat Daerah Seremban	74
4.5	Pejabat Daerah Jelebu dengan anjung bumbung melentik	75
4.6	Bentuk bangunan Pejabat Daerah Kuala Pilah seperti bentuk piramid atau seperti tapak kon yang mengecil ke atas	75
4.7	Seni bina Pejabat Daerah Jempol lebih bermotifkan identiti Islam	76
4.8	Pandangan hadapan Pejabat Daerah Tampin dengan bumbung lobinya sahaja bercirikan Negeri Sembilan	76
4.9	Bentuk bumbung limas dan bumbung sendeng menjadi karakter Pejabat Daerah Rembau	77
5.1	Peta daerah-daerah di Negeri Sembilan Peta ini dipetik daripada laman web Majlis Daerah Kuala Pilah	89
5.2	Pelan tapak Pejabat Daerah Seremban	91
5.3	Pelan lantai tingkat bawah Pejabat Daerah Seremban	93
5.4	Pelan lantai tingkat satu Pejabat Daerah Seremban.	94
5.5	Pelan lantai tingkat dua Pejabat Daerah Seremban	95
5.6	Pandangan sisi hadapan bangunan Pejabat Daerah Seremban	97
5.7	Pandangan hadapan bangunan Pejabat Daerah Seremban	97

5.8	Pandangan sisi kiri bangunan Pejabat Daerah Seremban	98
5.9	Pandangan sisi kanan bangunan Pejabat Daerah Seremban	99
5.10	Pandangan hadapan Istana Lama Seri Menanti	108
5.11	Pandangan belakang Istana Lama Seri Menanti	108
5.12	Pelan tapak	109
5.13	Pelan lantai tingkat satu	112
5.14	Ruang pangkal serambi yang merupakan Balai Penghadapan	113
5.15	Kedudukan hujung serambi dengan aras lantai yang berbeza, khusus buat Raja Di Muda	114
5.16	Bilik peraduan Yam Dipertuan dan ruang penghubung ke kamar Tuanku Ampuan	114
5.17	Pelan lantai tingkat dua	115
5.18	Pandangan ruang anjung Istana Lama Seri Menanti	116
5.19	Keratan rentas Istana Seri Menanti	117
5.20	Pelan tapak Istana Lama Seri Menanti mengadap ruangan lapang	125
5.21	Kedudukan pelan tapak Pejabat Daerah Seremban mengadap jalan utama	125
5.22	Pandangan tunjuk langit jenis silang pada bumbung panjang, reka bentuk tebar layarnya cukup lebar untuk menahan tempas hujan. Ia merupakan laluan keluar masuk udara yang tebar layarnya terletak pada kasar jantan di hujung atas dinding rumah. Balai Besar, Alor Setar dan Istana Lama Sri Menanti	139

5.23	Penerapan konsep Istana Lama Seri Menanti pada ruang masuk dengan menunjukkan kedudukan lantai istana yang rendah pada ruang tangga utama	142
5.24	Pandangan ruangan tengah meletakkan binaan tangga utama sebagai penyambung ruang dan binaan gerbang supaya ruangan tersebut kelihatan megah	143
6.1	Proses pembangunan cadangan garis panduan umum penerapan elemen seni bina tradisional pada bangunan moden	167

SENARAI SINGKATAN

PWTC	-	Putra World Trade Centre
UMNO	-	United Malay Nation Organisation
FAB	-	Fakulti Alam Bina
KALAM	-	Kajian Alam dan Lestari Dunia Alam Melayu

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Tinjauan rintis: Carta analisis -Pelan tapak	205
B	Tinjauan rintis: Carta analisis -Pelan lantai	208
C	Tinjauan rintis: Carta analisis -Pelan bumbung	211
D	Tinjauan rintis: Carta analisis -Pandangan hadapan	213
E	Tinjauan rintis: Carta analisis - Pandangan sisi	215
F	Senarai Projek-Projek yang pernah di jalankan dan Kronologi Projek Bangunan Pejabat Daerah Seremban oleh Nazri Arkitek Sendirian Berhad	217
G 1	Senarai Dokumen Kontrak yang di tulis Semula Dari Sumber Asal	223
G 2	Senarai Dokumen Kontrak Yang Asal	228
H	Borang temu bual kepada arkitek	239
I	Senarai penulisan yang tidak di sertakan di dalam tesis di masukkan ke dalam lampiran	241

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Identiti seni bina Malaysia mempunyai reka bentuk dan gaya unik yang dipengaruhi oleh budaya tempatan dan budaya asing dari luar. Wendy Khadijah Moore (2004) mengatakan bahawa seni bina di Malaysia berkembang mengikut pola pemikiran luar. Sebagai contoh, bangunan Sultan Abdul Samad yang dibina oleh pihak penjajah mempunyai ciri-ciri Islam yang berasaskan seni bina “Moorish”. Pihak penjajah bersifat diplomasi terhadap budaya masyarakat Melayu Islam. Sikap ini dapat dilihat dalam menterjemahkan seni bina ini berdasarkan ruang lingkup pemahaman mereka sendiri tanpa mengkaji dengan mendalam sehingga ke akar umbinya. Misalnya, dalam konteks seni bina di Negeri Sembilan, bangunan-bangunan awam seperti pejabat daerah, sekolah dan masjid juga telah mengalami asimilasi pemikiran reka bentuk yang cuba menampilkan ciri-ciri tempatan. Bagaimanapun, pengaruh luar masih sukar untuk dihapuskan sepenuhnya. Akhirnya, pengaruh sedemikian telah menimbulkan kekeliruan identiti. Perubahan seni bina ini sedikit demi sedikit dapat dilihat berlaku selepas kemerdekaan Malaysia apabila ramai anak tempatan yang mendapat pendidikan luar negara telah membawa perubahan pada seni bina tempatan.

Menurut Raja Nafida (1999) hal ini amat mengelirukan generasi muda yang tidak mengetahui asal usul sebenar identiti seni bina mereka. Seperti contoh bentuk bumbung gonjong di katakan identiti seni bina Negeri Sembilan. Oleh demikian, masyarakat perlu

disedarkan tentang keterlanjuran yang telah berlaku dan mereka perlu diberi kefahaman bahawa bentuk bumbung bergonjong itu bukan merupakan identiti seni bina Negeri Sembilan dan mereka sepatutnya tidak perlu berbangga dengan reka bentuk sedemikian. Seorang arkitek dari Padang, Sumatera Barat, Syamsul Asri (2004) berpendapat bahawa penerapan bentuk bumbung bergonjong atau bumbung lentik Minangkabau pada bangunan pejabat Gabenor Daerah yang dibina pada 1963 tidak sesuai dengan rupa bentuk bangunan pejabat kerana bentuk tersebut tidak seimbang dengan konsep bangunan kerajaan yang moden. Beliau mengatakan bahawa seni bina sedemikian mencemarkan keaslian bangunan rumah adat tradisional Minangkabau.

Kecetekkan ilmu dalam kalangan masyarakat dan sikap tidak ingin mengambil tahu tentang konsep sebenar identiti setempat telah menimbulkan rekaan seni bina tempelan, ikut-ikutan yang meniru-niru konsep bangunan semasa hingga menimbulkan kekeliruan serta kecelaruan dalam usaha menerapkan seni bina tempatan. Pengkaji berpendapat bahawa perlu ada satu kajian tentang tahap penerapan seni bina tempatan yang diambil kira dalam reka bentuk bangunan di Negeri Sembilan, memandangkan negeri ini menerima banyak pengaruh dari segi sejarah, adat budaya dan seni bina yang dibawa masuk dari Sumatera Barat, Indonesia. Malahan, seni bina ini juga telah sebatikan jiwa masyarakat tempatan sehingga mereka menganggap hal tersebut merupakan identiti sebenar mereka yang asal.

1.2. Latar Belakang Kajian dan Permasalahan Kajian

Untuk mengenali identiti sesebuah negeri, perkara yang perlu diteliti dan diketahui ialah gaya seni bina bangunannya. Ia biasanya dikenali sebagai mercu tanda tempatan. Lynch (1960) mengatakan bahawa imej sesebuah bandar boleh dilihat melalui identiti bangunan yang menjadi mercu tanda bandar berkenaan. Hal ini jelas kelihatan di semua negara di dunia. Bangunan mercu tanda sebegini mempunyai

pelbagai ciri yang melambangkan identiti dan kebanggaan negara berkenaan. Contoh bangunan mercu tanda seperti ini adalah Eiffel Tower di Perancis, Opera House di Australia, Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di Kuala Lumpur dan banyak lagi. Begitu juga di Malaysia, setiap negeri dan daerah mempunyai bangunan mercu tanda masing-masing. Bangunan pejabat daerah berfungsi sebagai pusat pentadbiran daerah yang menjadi ikon atau identiti setempat. Begitu juga setiap negeri di Malaysia yang mempunyai gaya seni binanya yang menyerlah seperti istana, bangunan pentadbiran negeri, masjid dan sebagainya. Bangunan-bangunan seperti ini biasanya menjadi ikon mewakili identiti negeri tersebut. Di peringkat negeri, dalam konteks yang lebih kecil setiap daerah di Negeri Sembilan bangunan pejabat daerah menjadi ikon daerah. Variasi seni bina bangunan pejabat daerah di Negeri Sembilan yang menjadi ikon tempatan dengan kepelbagaian gaya seni bina bangunan seperti terdapat pada gambarajah di bawah.



Pejabat Daerah Seremban



Pejabat Daerah Kuala Pilah



Pejabat Daerah Jelebu



Pejabat Daerah Rembau



Pejabat Daerah Jempol



Pejabat Daerah Tampin

Gambarajah 1.1: Reka bentuk enam bangunan Pejabat Daerah di Negeri Sembilan

Gambarajah 1.1 menunjukkan reka bentuk bangunan pejabat-pejabat daerah di Negeri Sembilan. Bangunan-bangunan ini merupakan mercu tanda bagi setiap daerah tersebut. Sebagai bangunan pentadbiran yang penting, sewajarnya bangunan-bangunan ini mempunyai ciri-ciri seni bina yang menjadi identiti penduduk setempat atau masyarakat di daerah tersebut. Walau bagaimanapun seni bina pada bangunan pentadbiran kini banyak dipengaruhi oleh seni bina penjajah, khususnya dari segi skala bangunan yang besar, unsur-unsur fasad seperti tiang, gerbang dan pedimen yang mengikut reka bentuk kolonial.

Selain itu, ada juga pemikiran yang ingin menerapkan identiti Islam dalam seni bina bangunan pentadbiran dengan mengambil elemen-elemen islamik seperti gerbang dan lain-lain. Hal yang sedemikian telah menyebabkan timbul persoalan sama ada pereka-pereka yang mereka bentuk bangunan pentadbiran utama ini telah mempertimbangkan tentang identiti setempat semasa mereka bentuk bangunan-bangunan ini. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa terdapat permasalahan dalam proses menggarap idea untuk menerapkan ciri-ciri seni bina setempat yang menepati fungsi bangunan yang akan menjadi ikon pentadbiran di dalam sesuatu daerah tertentu.

1.2.1 Permasalahan Kajian

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji seni bina pejabat daerah yang tidak menampakkan unsur seni bina setempat. Empat persoalan utama yang merupakan tumpuan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Tiada identiti senibina yang jelas.
- ii. Tiada kriteria bangunan yang boleh dijadikan mercu tanda tempatan.
- iii. Gaya senibina yang bercampur.
- iv. Tiada garis panduan yang boleh dirujuk oleh arkitek.

1.3 Matlamat dan Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneliti tentang reka bentuk pejabat Daerah Seremban, Negeri Sembilan yang telah menerapkan gayarupa seni bina Istana Lama Seri Menanti (ILSM). Bagaimana arkitek menerapkan elemen-elemen seni bina ILSM. Kajian ini akan meneliti dengan mendalam apa sebenarnya identiti seni bina Negeri Sembilan dan bagaimana identiti ini diterapkan dalam reka bentuk bangunan pejabat daerah ini.

Berdasarkan matlamat dinyatakan itu, tiga objektif berikut telah dirumuskan seperti berikut:

- Objektif 1: Untuk mengenal pasti pendekatan reka bentuk ke arah menghasilkan seni bina yang bersifat regionalisme
- Objektif 2: Untuk membentuk kaedah penerapan seni bina Istana Lama Seri Menanti kepada reka bentuk bangunan Pejabat Daerah Seremban

Objektif 3: Untuk menyediakan satu garis panduan umum dalam penerapan seni bina regionalisme pada bangunan moden

1.4. Skop Kajian

Skop kajian adalah terhadap bangunan Pejabat Daerah Seremban kerana di antara ke enam-enam Pejabat Daerah di Negeri Sembilan, hanya bangunan Pejabat Daerah Seremban sahaja yang menerapkan seni bina tradisional dalam rekaannya. Lima buah bangunan pejabat daerah di Negeri Sembilan yang lain diletakkan di bawah tinjauan rintis dalam melihat tinjauan perkembangan seni bina yang berlaku pada bangunan pejabat daerah-daerah lain di Negeri Sembilan. Skop kajian lain adalah melihat perkembangan regionalism di Malaysia dan mengkaji Pejabat Daerah pembentukan dan teknik regionalisme khusus untuk Negeri Sembilan.

1.5. Kepentingan Kajian


Kepentingan kajian ini adalah untuk melihat mengetahui dan memberitahu masyarakat luar bahawa identiti seni bina Negeri Sembilan mempunyai karakter seni bina rumah berbumbung panjang dengan sedikit gonjong di hujung. Manakala bangunan Pejabat daerah merupakan mercu tanda daerah yang penting dengan sebagai ikon bangunan yang paling besar di setiap daerah dengan karakter seni bina tempatan. Pihak berwajib yang mempunyai kepentingan seperti pegawai daerah, ahli politik dan pegawai-pegawai atasan kerajaan dapat mengetahui bahawa seni bina Negeri Sembilan yang boleh diaplikasikan kepada bangunan moden dengan memasukkan elemen-elemen

tertentu supaya bangunan awam tidak mempunyai kecelaruan karakter seni bina tempatan.

Kajian ini juga menyediakan satu garis panduan kepada golongan professional seperti perunding terutama arkitek yang akan mereka bentuk bangunan yang mempunyai yang beridentiti tempatan. Mereka akan dapat kefahaman yang sebenar tentang seni bina setempat. Pada bangunan tempatan yang mempunyai nilai-nilai sejarah yang tinggi serta di wartakan sebagai bangunan warisan boleh dijaga keharmoniannya dan juga diaplikasikan karakter fasad, pelan lantai, pandangan hadapan pada bangunan moden agar ada keseragaman bentuk seni bina tempatan serta mengekalkan sejarah bagi rujukan generasi akan datang.

1.6. Struktur Tesis


